



**PERBADANAN KEMAJUAN PERUMAHAN NEGERI JOHOR
ARAS 1 & 2, BANGUNAN DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK
KOTA ISKANDAR 79503 ISKANDAR PUTERI**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor seperti maklumat berikut :-

- 1. SKIM PERKHIDMATAN : PENOLONG PEGAWAI TADBIR N29 (4 JAWATAN)**
KLASIFIKASI : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
TARAF JAWATAN : KONTRAK
GRED / JADUAL GAJI : N29

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kenaikan Gaji Tahunan
RM1493.00	RM5672.00	RM145.00

SYARAT LANTIKAN

- 1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji permulaan : RM1493.00) atau
(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji Permulaan : RM1493.00) atau
(iii) Sijil Matrikulasi KPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji Permulaan : RM1493.00) atau
(iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya;
(Gaji Permulaan : RM1770.95) atau

Dan Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Tambahan 2 Diploma dalam bidang berkaitan Pengurusan Hartanah dan Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Atau;

Ijazah dalam bidang berkaitan Pengurusan Hartanah dan Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja yang berkaitan pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan, perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan majlis rasmi, mengendalikan urusan Konsuler dan Penguatkuasaan Undang-undang.

TUGAS KHUSUS

Bertanggung jawab dalam sesi libat urus Bersama pemaju perumahan dan perunding atau stake holder, Menyediakan kertas kerja untuk pertimbangan jawatankuasa dan Pihak Berkuasa Negeri, Melaksanakan program pemantauan projek pembangunan serta penyediaan inventori perumahan mampu milik dan Bertanggungjawab untuk membantu menyelaras bagi memudahcara pembangunan Rumah Mampu Milik antara pemaju dan Agensi Teknikal

CARA-CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan yang boleh diperolehi daripada pejabat ini dengan cara memuat turun borang di laman sesawang <https://jawatan.johor.gov.my>
2. Borang-borang yang sempurna diisi hendaklah **DISERTAKAN SALINAN DIAKUI SAH** dokumen-dokumen yang berkaitan seperti berikut:
 - i) Resume terkini (Sebagaimana template yang disediakan)
 - ii) Salinan Sijil Kelahiran
 - iii) Salinan Kad Pengenalan
 - iv) Salinan SRP/PMR/PT3
 - v) Salinan SVM/SPM/SKM Tahap 3/SKM Tahap 2
 - vi) Salinan Sijil Doktor Falsafah/Sarjana/ijazah Sarjana Muda

- vii) Salinan Sijil Akademik dan kelayakan yang berkaitan
 - viii) Salinan semakan pengiktirafan kelayakan pendidikan dari JPA melalui pautan <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil/Diploma/Ijazah)
3. Pemohon dikehendaki melengkapkan semua maklumat kelayakan akademik semasa mengisi Borang Permohonan. [Sekiranya permohonan tidak disertakan syarat sepertimana di atas, pihak kami akan menolak permohonan tersebut]
 4. Pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan /Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan disertakan dengan Borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun berturut-turut dan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini.
 5. Hanya pemohon yang berkelayakan dan melepasi tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
 6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
 7. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.
 8. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat:

Ketua Eksekutif
Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor
Aras 1 & 2, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak
Kota Iskandar, 79503 Iskandar Puteri, Johor

Tarikh Tutup Permohonan : 20 April 2023